

16 NOV 1997

Mahathir-Lima

KRISIS EKONOMI TIDAK AKAN JEJASKAN LIMA '97

LANGKAWI, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yakin krisis ekonomi dan kewangan serantau tidak akan menjejaskan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '97).

Beliau berkata banyak pihak berpendapat keadaan ekonomi sekarang bersifat sementara dan tidak akan mempengaruhi permintaan terhadap keluaran kelengkapan maritim dan udara dalam jangka panjang.

" Tidak semestinya apa yang dipamerkan hari ini akan dapat dijual hari ini juga," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat dan melakukan lawatan ke tapak pameran Lima '97 di Padang Matsirat dan Tanjung Malai di sini.

"..mungkin bila keadaan lebih tenteram mereka akan mendapat hasil daripada pameran mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata seperti pameran LIMA yang lepas, kebanyakan pengunjung merupakan mereka yang mencari pesawat dan kapal komersil kerana Lima lebih kepada pameran perdagangan.

Lima '97 yang akan berlangsung dari 2 Dis hingga 7 Dis akan menyaksikan 903 syarikat dari 40 negara mempamerkan barangan mereka berbanding 642 syarikat dari 35 negara pada Lima '95.

Perdana Menteri berkata: "Penyertaan yang bertambah ini bermakna bahawa mereka sedar dan yakin bahawa pameran di Lima'97 ini akan menguntungkan mereka".

Beliau turut berpuas hati dengan persiapan LIMA kali ini memandangkan prestasinya telah meningkat dengan pameran maritim yang lebih besar dengan penyertaan kapal perang dan kapal mewah.

Selain dapat memperkenalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan ke mata dunia, beliau berkata pameran dwi tahunan itu menawarkan banyak faedah secara tidak langsung.

Dr Mahathir tidak menafikan kemungkinan ruang pameran dibesarkan lagi di masa akan datang sekiranya bilangan pengunjung pada tahun ini bertambah.

Beliau memberi contoh keluasan Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) yang keluasanya telah ditambah tiga kali ganda bagi memenuhi jumlah pempamer dan pengunjung yang bertambah.

Pada Lima '95, pameran itu telah dikunjungi 14,000 pelawat perdagangan dan kira-kira 60,000 pelawat awam berbanding kira-kira 10,000 pelawat perdagangan dan lebih 40,000 pelawat awam pada Lima '93.

Sementara itu Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Azizan Husain dalam taklimatnya kepada Dr Mahathir berkata, kerajaan memperuntukkan RM4.5 juta bagi perbelanjaan Lima 97 berbanding RM5.2 juta pada Lima '95.

Perbelanjaan kerajaan ini membabitkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas, bomba dan lain-lain.

Seramai 154 tetamu kerajaan daripada 52 negara dijemput ke pameran enam hari itu termasuk 37 Menteri Pertahanan, 13 Menteri Pengangkutan, 22 Panglima Angkatan Tentera, 20 Panglima Tentera Laut, 30 Panglima Tentera Udara dan tujuh Panglima Tentera Darat.

Beliau berkata, bagi menyerikan pameran kali ini, Kementerian Pertahanan telah meminta Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat untuk menghantar pesawat pengebom Stealth dan pesawat pengangkut Galaxie C5 untuk menyertai pameran Lima '97, katanya.

Bagaimanapun, katanya, kehadiran pesawat-pesawat itu hanya akan disahkan di saat-saat akhir atas sebab-sebab operasi.

Beliau juga berkata setakat ini empat kapal selam dari Russia,  
Perancis, Turki dan Pakistan telah mengesahkan penyertaan. -- BERNAMA  
NH AD PR